

Latihan 1

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri laras bahasa istana yang betul.

beta

patik

baginda

hamba

1. "_____ ingin menghadap Sultan Azlan," kata Laksamana Ali kepada hulubalang itu.
2. "_____ berasa bangga kerana rakyat di negara ini bersatu padu untuk menyelesaikan masalah," kata Sultan Muzaffar.
3. "_____ akan menurut perintah tuanku supaya mencari peti emas itu," kata Bendahara Malik kepada Sultan Mansur.
4. "Sultan Idris amat disayangi oleh rakyat jelata kerana _____ sangat mementingkan kebajikan rakyat," kata Hang Nadim kepada Dayang Melati.

Pilih kata adjektif yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong.

cantik

mesra

gembira

rosak

awal

Cuti sekolah telah tiba. Fatin berasa (1) _____ apabila ibu dan ayah membawanya bercuti ke Bukit Fraser. Dalam perjalanan ke sana, mereka terpaksa menggunakan jalan lain kerana jalan utamanya telah (2) _____ akibat tanah runtuh. Tiga jam kemudian, mereka tiba di hotel yang telah ditempah (3) _____ oleh ayah Fatin. Mereka disambut oleh seorang penyambut tetamu dengan (4) _____. Apabila selesai meletakkan barang-barang di bilik, mereka keluar bersiar-siar di Bukit Fraser. Mereka begitu teruja kerana dapat melihat pemandangan bunga-bunga yang sangat (5) _____.

Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.

• agar • lalu • dan • kerana • sambil

1. Salmah menasihati Ida _____ Siti agar menjaga kebersihan alam sekitar.
2. Mohan mendengar penerangan daripada anggota bomba itu _____ menulis laporan.
3. Soon Keat membubuh baja pada pokok mangga itu _____ pokok itu berbuah lebat.
4. Puan Julia masuk ke dalam rumahnya _____ menghidupkan lampu di ruang tamu.
5. Encik Anand tidak dapat menyertai mesyuarat jawatankuasa penduduk _____ anaknya kurang sihat.

Isi tempat kosong dengan kata seru yang sesuai.

Eh

Aduhai

Aduh

Wah

Nah

Syabas

Amboi

Cis

1. _____, ambil buku cerita kamu ini!
2. _____, bergaya sungguh kamu memakai baju kebaya itu!
3. _____, cantiknya pemandangan matahari terbenam pada waktu senja!
4. _____, dahulu rumahnya tidaklah sebesar ini!
5. _____, betapa malangnya nasibku ini!
6. _____, sakit sungguh gigiku selepas makan gula-gula itu!
7. "_____, berani sungguh tuan hamba menderhaka kepada sultan, Jebat!"
marah Hang Tuah kepada Hang Jebat.
8. _____, anda telah memenangi wang tunai berjumlah RM200.00!

Isi tempat kosong dengan kata bantu yang paling sesuai.

mahu

akan

telah

mesti

belum

sedang

1. Cikgu Wong _____ mengajar subjek Matematik di dalam kelas Tahun Enam Cerdik.
2. Pegawai dari Jabatan Perhutanan Malaysia itu _____ selesai menyampaikan ceramah di SJKC Sungai Udag.
3. Adik masih _____ tidur kerana sedang menyiapkan kerja sekolahnya.
4. Esok Encik Kamarul _____ menaiki kapal terbang untuk menghadiri seminar di luar negara.
5. Abang Din _____ memulakan pemiagaannya sendiri kerana dia ingin membantu ibu bapanya.
6. "Kamu _____ menghantar tugas ini sebelum waktu rehat," arah Cikgu Mohan kepada murid-muridnya.